

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2023, VOL 6, Bil 2, Halaman 73-83

Motivasi Ekstrinsik: Analisis Terhadap Cabaran Mengekalkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat USIM

Extrinsic Motivation: An Analysis of the Challenge of Retaining Al-Quran Memorization Among Undergraduate Students of Qiraat USIM

Hayati Hussin¹, Abdul Rahim Ahmad², Aslam Farah Selamat³, Muhammad Hafiz Saleh¹, Mardhiah Yahaya⁴, Rohana Zakaria⁵, Noor Hafizah Mohd.Haridi⁵

¹ Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

² Felo Institut Kajian Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³ Pelajar PHD Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

⁴ Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.

⁵ Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

* Corresponding Author: Hayati Binti Hussin, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan, hayati.hussin@usim.edu.my, 011-3755 4137, ORCID ID

ABSTRACT

The 21st century education transition witnessed a bitter challenge for the hafiz group. In this context, tahfiz leadership and management must work towards creating an efficient education management system in producing outstanding huffaz. It is very worrying when the results of the interview of students who want to continue to higher education found that there are more than 70% of students in Malaysia who have obtained the title of al-Hafiz and al-Hafizah were found to be unable to retain memorization even though all the students had successfully memorized the 30 components of the Qur'an. Therefore, this article aims to explore extrinsic motivation: issues and challenges in maintaining the memorization of the Qur'an among students for the qiraat undergraduate program at USIM (SMQ USIM). This study is a quantitative study by distributing questionnaires. A total of 41 students were involved as study participants. The study related to the extrinsic motivation of the challenge of maintaining memorization of the Quran among the students was analyzed using SPSS version 23.0 to obtain the percentage and mean score. The results of the study found that extrinsic motivation among USIM qiraat undergraduate students is at a medium-high level (mean=3.94). This study has very important implications for USIM in particular and tahfiz institutions in Malaysia in general to emphasize the aspect of repetition starting from the beginning of memorizing the Qur'an so that all students and those who have obtained the title of al-hafiz and al-hafizah can keep memorizing the Quran until the end of life.

Keywords

Motivation, Extrinsic, issues and challenges, memorization.



ABSTRAK

Peralihan pendidikan abad 21 menyaksikan cabaran yang getir buat golongan hafiz. Dalam konteks ini, kepimpinan dan pengurusan tahfiz perlulah berusaha ke arah mewujudkan suatu sistem pengurusan pendidikan yang efisien dalam menghasilkan golongan huffaz yang cemerlang. Amat membimbangkan apabila hasil daripada temuduga pelajar yang ingin menyambung ke peringkat pengajian tinggi mendapati terdapat lebih daripada 70% pelajar di Malaysia yang telah bergelar al-Hafiz dan al-Hafizah didapati tidak dapat mengekalkan hafazan walaupun semua pelajar tersebut telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran. Justeru kajian ini bertujuan untuk menerokai motivasi ekstrinsik serta menganalisis cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan mahasiswa bagi program sarjana muda qiraat di USIM (SMQ USIM). Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan mengedarkan borang soal-selidik. Seramai 41 orang mahasiswa yang terlibat sebagai peserta kajian. Kajian berkaitan motivasi ekstrinsik isu dan cabaran cabaran mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tersebut dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 23.0 bagi memperolehi skor peratusan dan min. Hasil kajian mendapati bahawa motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar sarjana pengajian qiraat USIM adalah berada ditahap sederhana tinggi (min=3.94). Kajian ini memberi implikasi yang sangat penting kepada pihak USIM secara khususnya dan Intitusi pengajian tahfiz di Malaysia secara umumnya agar memberi penekanan dalam aspek ulangan bermula daripada peringkat mula menghafal al-Quran sehingga semua pelajar serta mereka yang telah bergelar al-hafiz dan al-hafizah dapat menjaga hafazan al-Quran sehingga ke akhir hayat.

Kata Kunci

Motivasi, Ekstrinsik, isu dan cabaran, hafazan, Sarjana Muda Qiraat USIM (SMQ USIM)

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran al-Karim merupakan mukjizat teragung yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya. Justeru salah satu legasi penjagaan al-Quran yang diwariskan oleh Nabi Muhammad s.a.w iaitu dengan cara menghafaz keseluruhan ayat-ayatnya. Pendekatan pengajaran al-Quran dilakukan pada masa baginda secara hafazan yang telah diaplikasikan oleh Malaikat Jibrail di dalam mengajar al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. Justeru pendidikan tahfiz al-Quran merupakan pendidikan yang terawal di dalam sejarah pendidikan Islam. Hafazan pula menjadi kaedah yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w dalam mengajar al-Quran kepada para sahabat. (Al-Habash, 1987). Allah s.w.t telah mempermudah kepada manusia untuk menghafaz al-Quran (al-Qamar 54:17). Menghafaz al-Quran merupakan satu usaha untuk mencegah terputusnya jumlah kemutawatiran al-Quran serta mengelak dari sebarang usaha untuk menyelewengkan dan memalsukan al-Quran (Al-Suyuti, 1987). Allah s.w.t telah memuji dan menyanjung tinggi kepada orang yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan dan gelaran yang mulia seperti pilihan Allah sepertimana yang telah dijelaskan di dalam surah fatir (Fathir 35:32). Allah s.w.t juga menegaskan keaslian al-Quran tetap terjaga seperti yang telah dirakam dalam surah al-Hijr (al-Hijr 15: 9). Mutakhir ini masyarakat menunjukkan minat yang amat tinggi dengan memilih aliran tahfiz sebagai pilihan pendidikan anak-anak.

Menurut Hilgard dan Atkinson (1979), ingatan manusia boleh digolongkan kepada dua jenis yang utama iaitu ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang.

1- Ingatan Jangka Pendek

Ingatan jangka pendek merujuk kepada berapa banyak item atau data disimpan dalam satu masa setakat mana seseorang dapat memberi penumpuan secara sadar dalam masa pendek. Ia mempunyai kadar lupa yang cepat tanpa latihan. Biasanya, maklumat-maklumat yang disimpan di dalamnya boleh hilang dalam masa kurang daripada 30 saat, malah kadang-kala lebih cepat lagi. Cara yang biasa digunakan untuk mengatasi masalah ini ialah melalui latihan dengan mengulangi maklumat yang diterima beberapa kali. Dua fungsi utamanya ialah untuk mengekalkan



maklumat dalam ingatan jangka pendek dan membantu manusia memindahkan maklumat daripada ingatan jangka pendek ke ingatan jangka panjang.

2 - Ingatan Jangka Panjang

Ingatan jangka panjang ialah apa yang dimaksudkan oleh orang ramai apabila mereka bercakap tentang ingatan. Ia sering merupakan sasaran yang memerlukan pambaikian melalui teknik-teknik atau kaedah-kaedah memperbaiki ingatan.

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa ulangan hafazan membawa maksud suatu perintah yang mesti dilakukan dan diambil berat bagi golongan yang menghafaz al-Quran. Proses ulangan hafazan perlu dilakukan secara efisien agar proses tersebut terus berjalan dengan sistematik, lancar serta cekap. Di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat mendefinisikan efisien sebagai menjalankan tugas dengan cekap tanpa pembaziran waktu dan tenaga serta kecekapan dan keterampilan (2010). Kecekapan dalam mengulang hafazan al-Quran adalah suatu sifat yang amat diperlukan golongan huffaz al-Quran. Rasulullah s.a.w. bersabda dengan maksud: “Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang itu melakukan sesuatu pekerjaan dengan tekun”. (Riwayat Al-Baihaqi). Pepatah Melayu pula mengatakan : “Belakang parang pun kalaulah diasah, nescaya menjadi tajam”. Pepatah ini menunjukkan bahawa dengan kecekapan dan ketekunan sangat membantu dalam proses ulangan hafazan.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002: 898) mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Menurut Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad & Nor Kamariah Kamaruddin (2021), motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan. Ia berkait rapat dengan tingkah laku, sikap dan norma seseorang individu. Terdapat banyak pandangan melalui kajian lepas terhadap definisi motivasi. Motivasi adalah tingkah laku individu dalam melaksanakan keinginan dan tujuan mereka sendiri. Berdasarkan pernyataan tersebut, motivasi dianggap sebagai cara-cara seseorang individu dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan tugas. Setiap individu mempunyai cara tersendiri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Cara dan tingkah laku dalam melakukan sesuatu pekerjaan sering dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti faktor motivasi dan seterusnya mempengaruhi hasil daripada pekerjaan tersebut. Menurut Slameto (2013), motivasi merupakan proses yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Motivasi dilihat sebagai satu tertib atau langkah-langkah yang teratur untuk mempengaruhi seseorang individu dalam menjalankan tugas. Othman dan Ismail (2012) menjelaskan motivasi sebagai satu elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Selain itu, dalam kajian lain pula motivasi adalah proses dalaman, personal, proses sukarela dan tidak memaksa, serta mengarahkan keupayaan intelektual dan mental (Seebaluck & Seegum, 2013).

Motivasi sebahagian besarnya boleh dibahagikan kepada tiga komponen iaitu motivasi intrinsik, ekstrinsik, dan amotivasi. Motivasi intrinsik dapat dilihat apabila seseorang individu melakukan aktiviti untuk kepuasan diri sendiri (Brown, 2007). Manakala dalam konteks pembelajaran, motivasi intrinsik sering dikaitkan dengan tujuan daripada diri pelajar itu sendiri dan minat yang tersendiri terhadap sesuatu subjek atau aktiviti tersebut. Apabila seseorang menikmati pekerjaan atau aktiviti, melihatnya sebagai peluang untuk belajar dan mengambil bahagian tanpa ganjaran luar, dapat diandaikan bahawa individu tersebut termotivasi secara intrinsik (Coon & Mitterer, 2010). Walau bagaimanapun, hasil ini bergantung kepada individu itu sendiri. Motivasi ekstrinsik ditakrifkan sebagai kecenderungan untuk melakukan aktiviti atau tugas untuk mendapatkan ganjaran sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologi dalam persekitaran semula jadi (Brown, 2007). Motivasi ekstrinsik adalah pendorong kerja yang berasal dari faktor luar dari diri individu untuk melaksanakan tugas secara maksima. Dalam erti kata lain, motivasi ekstrinsik ialah sikap dan tingkah laku seseorang individu yang dipengaruhi oleh faktor luar seperti ganjaran-ganjaran sebagai contoh berbentuk wang ringgit, kemasyhuran, gred yang baik dan pujian. Faktor-faktor pendorong kepada motivasi ini ialah daripada luar dan bukannya wujud dari dalam diri seseorang individu. Konsep motivasi ekstrinsik bertentangan dengan motivasi intrinsik. Dari perspektif akademik, Karsenti dan Thibert (1995) menyatakan motivasi ekstrinsik ialah tingkah laku pelajar dibentuk oleh faktor luaran seperti ganjaran dan hukuman.



Pengaruh motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang wujud dalam diri perlu dibentuk agar mempengaruhi sikap dan tindakan dalam mencapai keberhasilan kualiti hafazan tetap terus terjaga. Mengambil kira golongan huffaz yang dapat memberi impak yang signifikan kepada negara. Justeru kajian ini bertujuan untuk menerokai motivasi ekstrinsik serta menganalisis cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan mahasiswa bagi program sarjana muda qiraat di USIM (SMQ USIM).

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Sejajar dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang menjunjung aspirasi negara dalam mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana selain menggalakkan institusi tahfiz swasta melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) atau persijilan TVET bagi memastikan pelajar tahfiz dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi (Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, 2021).

Peralihan pendidikan abad 21 menyaksikan cabaran yang getir buat golongan hafiz. Dalam konteks ini, kepimpinan dan pengurusan tahfiz perlulah berusaha ke arah mewujudkan suatu sistem pengurusan pendidikan yang baik bukan sahaja bagi memastikan kelancaran perjalanan pentadbirannya, malahan dapat menghasilkan produk iaitu golongan huffaz yang cemerlang, gemilang dan terbilang memenuhi kehendak masyarakat, ummah dan negara. Bagi melahirkan generasi huffaz yang berkualiti dari sudut hafazan juga bersepadu dalam pembangunan kecerdasan fizikal, emosional, intelektual, kerohanian dan sosial, pembangunan kurikulum yang padu memainkan peranan yang penting. Perlaksanaan kurikulum tahfiz yang efisien menjadi agen perubahan utama dan mampu memberi impak yang signifikan dalam kecemerlangan hafazan pelajar sebagai generasi huffaz yang dinamik. Pengaruh motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang wujud dalam diri para huffaz perlu dibentuk berlandaskan al-Quran agar ianya mempengaruhi sikap dan tindakan dalam mencapai keberhasilan kualiti hafazan tetap terus terjaga.

Hasil daripada temuduga pelajar yang ingin menyambung ke peringkat pengajian tinggi mendapati terdapat lebih daripada 70% pelajar di Malaysia yang telah bergelar al-Hafiz dan al-Hafizah didapati tidak dapat mengekalkan hafazan mereka. Kajian lepas ini menunjukkan para pelajar yang menghadiri temuduga bagi melanjutkan pengajian dalam bidang tahfiz dan qiraat di Universiti Awam di antaranya Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sultan Zainal Abidin dan universiti swasta seperti Universiti Melaka dan Universiti Islam Antarabangsa Selangor tidak dapat mengingat dengan baik akan hafazan mereka walaupun semua pelajar tersebut telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran. (Hayati Hussin, Rohana Zakaria, Abdul Rahman Abdul Ghani, 2020).

Hasil daripada temubual tidak berstruktur yang telah dijalankan dengan beberapa orang pensyarah dan guru yang terlibat dengan aliran tahfiz. Di antara permasalahan lain yang timbul adalah silibus yang dimasukkan dalam kurikulum tahfiz adalah menghafaz. Adapun mengulang tidak dimasukkan di dalam silibus pembelajaran kerana kekangan masa serta dilihat menjadi bebanan kepada pelajar. Ulangan hafazan dijalankan secara tidak formal serta mengikut kelapangan tenaga pengajar dan murid. Pelajar lebih ditekankan supaya dapat mencapai silibus hafazan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah ataupun Universiti.

Terdapat kajian lepas yang telah dijalankan oleh Hayati Hussin (2021) hasil temu bual yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan terdapat 17 berbanding 21 orang pelajar tahfiz yang mengulang al-Quran kurang daripada lima juzuk dalam masa seminggu iaitu mewakili 80% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Perkara ini amat membimbangkan jika ianya terus berlaku. Jika dibahagikan dengan seminggu maka kadar ulangan hafazan pelajar kurang daripada satu juzuk setiap hari. Keadaan ini perlu diatasi kerana sebagai seorang pelajar yang telah bergelar al-hafiz atau al-hafizah mestilah mengulang al-Quran sekurang-kurangnya satu juzuk setiap satu hari. Usaha ini perlu dilakukan bagi memastikan hafazan al-Quran mereka terus terjaga. Aspek disiplin ketika mengulang al-Quran perlu dititikberatkan oleh pelajar sarjana muda qiraat USIM. Perkara ini perlu dipandang serius bagi



memastikan isu dan cabaran di dalam mengulang hafazan al-Quran dapat diatasi. Dapatan kajian menunjukkan hanya 13 orang berbanding 21 orang pelajar tahfiz mewakili 61% daripada jumlah keseluruhan mempunyai jadual dan waktu yang khusus untuk mengulang hafazan al-Quran. Adapun bimbingan daripada guru dan ibubapa merupakan di antara faktor utama bagi menyemai motivasi intrinsik mereka untuk mengulang hafazan al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan 19 orang berbanding 21 orang pelajar mewakili 90% daripada jumlah keseluruhan pelajar sarjana muda qiraat USIM mengatakan bahawa guru amat menitikberatkan ulangan hafazan al-Quran. Ibubapa perlu membantu dan memberi galakkan untuk membuat ulangan hafazan al-Quran. Kenyataan ini berdasarkan daripada dapatan kajian menunjukkan 20 orang berbanding 21 orang pelajar mewakili 95% daripada jumlah keseluruhan pelajar sarjana muda qiraat USIM menyatakan ibubapa perlu membantu dan memberi galakkan untuk mereka mengulang al-Quran. Graf 1 di bawah menunjukkan peratusan yang melibatkan proses ulangan hafazan.

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Fatimah Zaharah Ismail et al., (2020) menekankan bahawa menghafaz ayat-ayat al-Quran merupakan suatu proses yang terbahagi kepada tiga peringkat utama. Ketiga-tiga peringkat ini adalah proses berbalik dan bertujuan untuk menghasilkan huffaz yang rasikh atau berkualiti. Rajah 1 dibawah menunjukkan peringkat-peringkat utama dalam proses menghafaz ayat al-Quran.



Menurut Muhammad Syafee Salihin (2018) melalui kajian yang dilakukan terhadap pelajar tahfiz Kolej Universti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dihuraikan secara deskriptif untuk meninjau tahap penghayatan muraja'ah (ulangan) dalam kalangan pelajar tahfiz di KUIS yang melibatkan seramai 30 orang responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penghayatan muraja'ah (ulangan) dalam kalangan pelajar tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di (KUIS) berada pada tahap sederhana dengan mencatat min 3.81. Implikasi kajian ini penting untuk mewujudkan kesedaran pentingnya penghayatan murajaah dalam kalangan mahasiswa agar setiap ayat yang dihafaz akan sentiasa mekar dalam ingatan.

Terdapat kajian lepas yang telah dijalankan oleh Sharini Binti Che Ishak menunjukkan masalah pencapaian murid dalam tahfiz al-Quran seperti dinyatakan oleh Jemali dan Hafidz (2003) iaitu sebanyak 60% daripada pelajar tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam tempoh enam semester. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Hashim (2010) terhadap penilaian pencapaian pelajar tahfiz di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Quran Negeri. Beliau mendapati bahawa pencapaian pelajar masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan iaitu menghafaz al-Quran dengan lancar, menghafaz al-Quran dengan memahami maksud ayat, menghafaz al-Quran dengan mengetahui asbab nuzul dan menghafaz al-Quran dengan mengetahui pengajaran ayat. Dapatan ujian syafawi pula jelas menunjukkan bahawa pencapaian mereka dalam aspek kelancaran hafazan al-Quran masih lemah. Begitu juga dengan hasil dapatan ujian kefahaman menunjukkan kemahiran pelajar mengeluarkan ayat-ayat tertentu berdasarkan hukum adalah lemah. Selain itu pencapaian pengekaln terhadap hafazan turut berada pada tahap yang lemah. Dalam konteks pendidikan tahfiz di peringkat menengah, dapatan kajian Mardhiah sebagaimana yang dipetik oleh Yahaya et al. (2018) menunjukkan hampir separuh pelajar MRSM Ulul Albab tidak dapat menamatkan hafazan sehingga tamat tingkatan 5. Antara faktor yang telah dikenal pasti menjadi punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini ialah kelemahan dalam kaedah



pembelajaran tahfiz serta guru yang masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran mereka (Abdul Rahim, Borham, Hashim & Hashim, 2008; Hashim, 2010).

Faktor pengurusan masa amat mempengaruhi pelajar aliran tahfiz. Kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Hafiz menyatakan kegagalan dalam mengurus masa dalam pembelajaran akan mendatangkan kesan yang negatif kepada seorang penghafaz al-Quran. Penghafaz al-Quran yang tidak mampu untuk mengurus masa secara berdisiplin akan merasa kesuntukan masa untuk menghafaz di samping melakukan kerja-kerja yang lain. Oleh yang demikian seorang penghafaz al-Quran perlulah bijak mendisiplinkan diri dan mencari masa untuk menghafaz dan mengulang.

Khairul Anuar Mohamad (2016) menjelaskan bahawa penghafaz al-Quran perlu faham sifat dan keadaan hafazan yang dimiliki bukan selama-lamanya terlekat dalam ingatan. Hafazan memerlukan kepada proses yang khusus bagi meningkatkan daya ingatan kepada al-Quran. Berdasarkan daripada hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud (Al-Bukhari (2001):

“Selalulah kamu membaca dan mengulangi al-Quran demi jiwaku dalam genggamannya. Sesungguhnya al-Quran sangat cepat hilang dari ingatan berbanding terlepasnya seekor unta liar dari ikatannya”

Berdasarkan hadis di atas, dapat difahami bahawa kepentingan penjagaan al-Quran sangat dituntut kepada semua penghafaz al-Quran dan proses penjagaan al-Quran perlu dilakukan secara berterusan agar kualiti hafazan al-Quran akan terus kekal dalam ingatan kerana al-Quran tersangat mudah untuk dilupakan. Oleh yang demikian telah jelas bahawa motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam setiap pencapaian pelajar termasuklah pencapaian kualiti hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Justeru dapat disimpulkan bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang lahir dari dalaman dan luaran sangat mempengaruhi pelajar tahfiz dalam menangani permasalahan dalam mengekalkan hafazan al-Quran untuk menjadi huffaz yang berkualiti cemerlang dan terbilang.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- (1) Menerokai motivasi ekstrinsik dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan mahasiswa bagi program sarjana muda qiraat di USIM (SMQ USIM).
- (2) Menganalisis cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan mahasiswa bagi program sarjana muda qiraat di USIM (SMQ USIM).

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Manakala jenis kajian merupakan kajian tinjauan (*survey*) yang menggunakan satu set soal selidik. Kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini berdasarkan kepada kenyataan oleh Wiersma, yang berpendapat bahawa kajian kaedah tinjauan merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian (Wiersma 2000).

Kajian telah dilaksanakan pada terhadap 41 orang pelajar sarjana muda pengajian qiraat dengan kepujian USIM sebagai peserta kajian. Pemilihan responden yang digunakan bagi kajian ini adalah pelajar tahun akhir di institusi tersebut kerana bilangan mereka yang tamat hafazan lebih tinggi berbanding pelajar tahun lain. Skor min motivasi ekstrinsik yang telah dirumuskan oleh Nunally telah digunakan bagi memudahkan perbincangan, skor-skor min dalam setiap dimensi tersebut telah disusun ikut urutan menurun dari skor min yang paling tinggi kepada skor yang paling rendah. Terdapat dua bahagian di dalam borang soal selidik tersebut iaitu demografi dan motivasi ekstrinsik. Jumlah responden bagi kajian ini ialah 41 orang responden. Kaedah analisis data deskriptif digunakan dalam kajian ini menggunakan perisian SPSS.

5.0 ANALISIS DAN DAPATAN



5.1 DAPATAN KAJIAN

Motivasi ekstrinsik: cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran	STS	TS	SS	S	SS	Min	Interpretasi
Saya membuat murajaah hafazan al-Quran untuk mendapat gred pencapaian yang baik dalam kursus/subjek murajaah al-Quran.	0	3 7.3 %	2 4.9 %	13 31.7 %	23 56.1 %	4.36	Tinggi
Saya membuat murajaah hafazan al-Quran untuk memperoleh pencapaian yang terbaik dalam ithbat hafazan bersama dengan kawan-kawan.	2 4.9 %	4 9.8 %	12 29.3 %	11 26.8 %	12 29.3 %	3.65	Sederhana Tinggi
Saya membuat murajaah hafazan al-Quran untuk menyertai ithbat hafazan al-Quran anjuran Jabatan Agama Islam Negeri.	5 12.2 %	12 29.3 %	12 29.3 %	5 12.2 %	7 17.1 %	2.92	Sederhana Rendah
Saya membuat murajaah hafazan al-Quran untuk menyertai pertandingan hafazan anjuran sekolah atau Kementerian Pendidikan atau NGO dan lain-lain.	7 17.1 %	10 24.4 %	10 24.4 %	6 14.6 %	8 19.5 %	2.95	Sederhana Rendah
Saya bersemangat untuk membuat murajaah hafazan al-Quran kerana ingin menunjukkan prestasi yang terbaik di dalam kelas.	1 2.4 %	4 9.8 %	8 19.5 %	11 26.8 %	17 41.5 %	3.95	Sederhana Tinggi
Saya gembira membuat murajaah hafazan al-Quran di rumah.	0	2 4.9 %	7 17.1 %	15 36.6 %	17 41.5 %	4.14	Tinggi
Saya berasa gembira apabila guru mengiktiraf kemampuan murajaah hafazan saya.	0	1 2.4 %	8 19.5 %	13 31.7 %	19 46.3 %	4.21	Tinggi



Saya bersemangat apabila ibu bapa memberi galakan untuk saya membuat murajaah hafazan al-Quran.	0	2 4.9 %	5 12.2 %	11 26.8 %	23 56.1 %	4.34	Tinggi
Saya berasa gembira apabila rakan-rakan meminta bantuan saya untuk membimbing mereka untuk membuat murajaah hafazan al-Quran.	0	1 2.4 %	7 17.1 %	11 26.8 %	22 53.7 %	4.31	Tinggi
Saya bersemangat untuk menghafaz apabila guru memuji kekuatan murajaah hafazan al-Quran saya	0	1 2.4 %	7 17.1 %	15 36.6 %	18 43.9 %	4.21	Tinggi
Saya berminat mengikuti bengkel murajaah hafazan al-Quran intensif yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan institusi.	0	1 2.4 %	7 17.1 %	14 34.1 %	19 46.3 %	4.24	Tinggi
Saya berusaha meningkatkan murajaah hafazan al-Quran saya dengan mengikuti bengkel hafazan intensif semasa.		2 4.9 %	11 26.8 %	12 29.3 %	16 39.0 %	4.02	Tinggi
Min keseluruhan						3.94	Sederhana Tinggi

Jadual 1 menunjukkan analisis motivasi ekstrinsik: cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar sarjana muda pengajian qiraat USIM.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lapan item mencatatkan interpretasi min pada tahap yang tinggi, dua item pada tahap min sederhana tinggi dan hanya dua item mencatatkan interpretasi min sederhana rendah. Maka, jumlah keseluruhan item tersebut ialah 12 item. Terdapat dua item negatif yang menunjukkan min pada tahap sederhana rendah iaitu pada item saya membuat murajaah hafazan al-Quran untuk menyertai ithbat hafazan al-Quran anjuran Jabatan Agama Islam Negeri (min=2.92) dan item saya membuat murajaah hafazan al-Quran untuk menyertai pertandingan hafazan anjuran sekolah atau Kementerian Pendidikan atau NGO dan lain-lain (min=2.95). Jelas bahawa para pelajar tidak mempunyai motivasi untuk menyertai ithbat hafazan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Pelajar juga tidak berminat untuk menyertai pertandingan hafazan yang dianjurkan oleh sekolah atau kementerian pendidikan atau NGO dan lain-lain. Seterusnya, terdapat dua item yang mencatatkan interpretasi min pada tahap sederhana tinggi. Item Saya membuat murajaah hafazan al-Quran untuk memperoleh pencapaian yang terbaik dalam ithbat hafazan bersama dengan kawan-kawan (min=3.65). Manakala item saya bersemangat untuk membuat murajaah hafazan al-Quran kerana ingin menunjukkan prestasi yang terbaik di dalam kelas



(min=3.95). Ini menunjukkan persaingan dalam kalangan pelajar di dalam kelas bersama rakan-rakan memberi motivasi untuk membuat ithbat dan murajaah al-Quran.

Di dalam kajian ini kadar interpretasi min pada tahap yang tinggi adalah sebanyak lapan item iaitu item pertama saya membuat murajaah hafazan al-Quran untuk mendapat gred pencapaian yang baik dalam kursus/subjek murajaah al-Quran (min=4.65). Item kedua saya gembira membuat murajaah hafazan al-Quran di rumah (min=4.14). Item ketiga ialah saya berasa gembira apabila guru mengiktiraf kemampuan murajaah hafazan saya (min=4.21). Item keempat saya bersemangat apabila ibu bapa memberi galakan untuk saya membuat murajaah hafazan al-Quran (min=4.34). Item kelima saya berasa gembira apabila rakan-rakan meminta bantuan saya untuk membimbing mereka untuk membuat murajaah hafazan al-Quran (min=4.31). Item keenam saya bersemangat untuk menghafaz apabila guru memuji kekuatan murajaah hafazan al-Quran saya (min=4.21). Item ketujuh saya berminat mengikuti bengkel murajaah hafazan al-Quran intensif yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan institusi (min=4.24). Item kelapan saya berusaha meningkatkan murajaah hafazan al-Quran saya dengan mengikuti bengkel hafazan intensif semasa (min=4.02).

Hasil analisis ini mendapati motivasi ekstrinsik cabaran mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar sarjana muda pengajian qiraat USIM ialah (min=3.94). Interpretasi min ini berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan pengaruh motivasi ekstrinsik untuk mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi.

5.0 KESIMPULAN

Prestasi hafazan al-Quran merupakan cabaran utama dalam diri setiap pelajar yang menghafal al-Quran. Secara semulajadi, seseorang yang bermotivasi sama ada motivasi ekstrinsik mahupun intrinsik yang tinggi di dalam diri akan berjaya dalam tugas dan pekerjaannya (Fauziah, 2011). Motivasi ekstrinsik ini dapat dirangsang dalam bentuk-bentuk seperti pujian, insentif, hadiah, gred dan membentuk suasana dan iklim persekitaran yang kondusif bagi mendorong pelajar untuk mengulang al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi ekstrinsik mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelajar dalam mengekalkan hafazan al-Quran. Pelajar yang terdorong oleh motivasi ekstrinsik dapat membuat ulangan hafazan al-Quran dengan baik kerana percaya akan memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam kursus atau subjek murajaah al-Quran jika mereka rajin membuat ulangan. Faktor dorongan daripada guru, ibu bapa dan rakan-rakan memberi impak positif kepada pelajar di dalam membuat ulangan al-Quran. Bengkel-bengkel berkaitan dengan murajaah hafazan al-Quran dan intensif yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan institusi menambahkan lagi semangat para pelajar untuk terus mengulang al-Quran. Program-program seperti pertandingan hafazan anjuran sekolah atau Kementerian pendidikan atau NGO dan ithbat hafazan al-Quran anjuran Jabatan Agama Islam Negeri yang diadakan juga menggalakkan pelajar untuk disiplin membuat ulangan al-Quran. Selain daripada itu, motivasi ekstrinsik ini juga merupakan satu dorongan kepada pelajar untuk bersungguh-sungguh membuat Ulangan hafalan al-Quran kerana ingin mendapatkan habuan atau hasil yang memberikan kepuasan pada masa akan datang. Oleh demikian, maka jelaslah bahawa motivasi ekstrinsik mampu memberi impak yang sangat baik dalam mengekalkan hafazan al-Quran.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang bertajuk: Model Baharu Ulangan Hafazan Al-Quran Efisien Berdasarkan Hadis Nabawi Melalui Pendekatan Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Ke Arah Pembentukan Huffaz Rabbani. Kod Penyelidikan (Ref: FRGS/1/2022/SSI13/USIM/02/5)

RUJUKAN

1. Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh (2021), Motivasi Intrinsik: Isu Dan Cabaran Dalam Mengekalkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Usim. *Jurnal Qiraat* Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Vol 4, Bil 2, Halaman 75-83.
2. Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad, Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan



- Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400 Johor, Malaysia. file:///C:/Users/User/Downloads/2020Othmanetal-inKajianKesdiMalaysiaSiri4.pdf
3. Muhammad Syafee Salihin, Ikmal Zaidi Hashim, Nik Mohd Nabil Nik Hanafi, Fatin Nazmin Mansor & Mawaddah Ahmad Mahir, 2018 . Penghayatan Muraja'ah Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) . <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/FULL-PAPER-IRMIC-18SYAFEE-SALIHIN.pdf>
 4. Roslinda Rosli. 2020. Pembelajaran Norma Baharu Tingkat Profesion Guru Berita Harian Online Ogos 11, 2020 @ 11:00am. Atas talian 29 Oktober. <https://www.bharian.com.my/BicaraDakwahKaliKe21:DakwahDalamTalianSemasaPandemik116rencana/komentar/2020/08/719958/pembelajaran-norma-baharu-ingkatprofesion-guru>
 5. Al Hafiz, M. M., & Md Sawari, S. S. (2018). Managing standardize memorization strategy in tahfiz centres: A guideline for quality performance in Qur'anic memorization. *International Journal of Research*, 5(16), 1409-1417.
 6. Abd Rahim, M. M., Borham, A. A., Hashim, A., & Hashim, I. (2018). Ability in comprehending meaning of the Quranic verses among tahfiz students. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(11), 1646-1656.
 7. Mat Jafri, M. T., Mohd Saad, M., & Mohamad, S. (2018). Keutamaan amalan tadabbur al-Quran terhadap pelajar tahfiz. *Jurnal al-Turath*, 3(2), 16-21.
 8. Yahaya, M., Rasheed, Z. N., & Selamat, A. F. (2018). Isu dalam pendidikan tahfiz: Satu analisis. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor.*
 9. Zakaria, F. I., Che Noh, Z., & Abd Razak, K. (2018). Amalan pembelajaran pelajar tahfiz di institusi tahfiz swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(3), 141-148.
 10. Ismail, M. J., Mohamad, S., Tengku Puji, T. I. Z., & Yusof, N. H. (2017). Strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz Al-Quran di Malaysia: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, 55-65.
 11. Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah dan Nursafazilah Binti Maksom. 2016. *Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alm, Kg Tengah Kluang. Dlm.*
 12. Saleh, M. H., Hussin, Z., Ismail, Z., Abd Ghani, Z., Yusoff, A. M., & Hussin, H. (2017). Developing an effective Quran memorization technique using Fuzzy Delphi method. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 7(1), 10- 15.
 13. Khairil Anuar Mohamad. 2016. *Sistem Kawalan Kualiti Huffaz. Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran. Terbitan Darul Quran JAKIM.*
 14. Mahmud Lutfi Bin Abd. Hadi. Ahmad Shahir Bin Masdan. 2015. Penekanan terhadap ayat-ayat mutasyābihāt al-alfāz ke arah pemantapan mutu hafazan alQuran. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.*
 15. Ahmad, N. (2015). *Memperkasa Darul Quran ke arah memartabat pendidikan tahfiz di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz kali ke IV pada 1- 3 Jun di Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.* Ahmad, R. (2000). *Kelemahan membaca al-Quran dan Jawi pelajarpelajar Sekolah Berasrama Penuh. (Kertas Projek Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.*
 16. Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Mohd Aderi Che Noh. 2014. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran And Tarbiyyah. Vol 1(1) : 9-16.*
 17. Zulkifli Mohd Yakub bin Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran. Darul Quran JAKIM: Selangor.* Anisa Ida Khusniyah. 2014. *Menghafal al-Quran dengan metode muraja'ah. Studi kasus di rumah tahfiz al-Ikhlash Karangrejo Tulungagung. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam (PAI) Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.*
 18. Hashim, A., Jemali, M., Tamuri, Ab., A., & Che Noh, M. A. (2014). Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 73-82.



19. Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali, 2013. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 1 Issue 1 28-39.
20. Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2009). Promoting self-determined school engagement: Motivation, learning, and well-being. *Handbook on motivation at school*, pp. 171-196.
21. Brown, H. D. (2007). *Principles of Language Learning and Teaching*. (5th ed.). New York: Pearson Education.
22. Coon, D. & Mitterer, J. O. (2010). *Introduction to psychology: Gateways to mind and behavior with concept maps*. Belmont, CA: Wadsworth
23. Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya b. Syarf (1996). *al-Tibyan fi Adabi Hamlatil Quran*. Beirut: Dar Ibn Jazm.
24. Al-Qabisi, Abu Hasan Ali Muhammad (1955). *Al-Risalah al-Mufasssolah li Ahwal al- Muallimin wa Ahkam al-muallimin wal Mutaallimin*. Kaherah: Dar al-Ihya' Kutub al- Arabiyah.
25. M. Quraish Shihab (2007). *Membumikan al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Mizan Pustaka.
26. Boston: Allyn & Bacon. Hashim, A. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz Al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri*. (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 339 *Malaysian Journal of Learning and Instruction*: Vol. 17 (No. 2) July 2020: 311-340.
27. Abdul Hafiz Bin Abdullah & Norhanan Binti Abdul Rahman. 2009. *Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba, Tangkak, Johor*.
28. Coon, D. & Mitterer, J. O. (2010). *Introduction to psychology: Gateways to mind and behavior with concept maps*. Belmont, CA: Wadsworth
29. Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah & et.al. 2005. *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
30. Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). *Keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz*. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
31. Dr. Subhi al-Salih (1981), *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, Beirut: Dar al-'Ulum li al-Malayin, h. 65. Lihat juga, Al-Doktor Daud al-'Attar (1979), *Mujaz 'Ulum al-Qur'an*, c.2, Beirut: Muassasah al-A'lami li Matbu'at, h. 152.
32. Syaykh Muhammad al-Habasyi (1987) *Kayf Tahfaz al-Quran*, Beirut: Dar al-Khayr, h. 131.
33. Abu Najihat al-Hafiz, (t.th), *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qariah*, (t.pt): Penerbitan Darul Iman. h.16
34. Zulkifli Ali (ustaz) (2003), *Kaedah-kaedah menghafal al-Quran*, Kertas Kerja Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Anjuran Fakulti Pengajian Quran & Sunnah KUIM. 17 Mei. h.2.
35. Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications. Dudley, J. R. (2005). *Research methods for social work: Becoming consumers and producers of research*.
36. Al-Baniy, Muhammad Nasiruddin, (1988). *Sahih al-Jami'Al-Saghir Waziyadatuh No.Hadith:1880*. al-Maktabah al-Islami, Damsyik.
37. Al-Bukhari, Abdullah Muhammad Ismail (2001). *Sahih al-Bukhari*, Kitab: Fadhail al-Quran, Bab: Istizkar al-Quran, No Hadith:5031. Dar Ibn Kathir, Beirut.